

03/02/1998

Tahniah kerana drama Sinarkah Mentari lagi

Anne Hussin

Saya ingin memberi pendapat mengenai drama bertajuk, Sinarkah Mentari lagi yang disiarkan menerusi television. Saya berpendapat tema drama ini sangat menarik iaitu mengenai usaha yang dijalankan untuk menyedarkan masyarakat mengenai Aids, masalah yang terpaksa dihadapi oleh pesakit atau mangsa di dalam menjalani liku-liku hidup dan memaparkan sikap dan tindak balas masyarakat terhadap penyakit ini.

Bermula dari watak utamanya, Mazlan dan sikap isterinya yang dingin, tidak dapat ditafsirkan puncanya serta perubahan isterinya secara tiba-tiba setelah Mazlan mula berjinak-jinak ke negara seberang. Sepatutnya dirasakan perlu diberi lebih penekanan mengenai punca sebenar yang mendorong kepada kesalahan yang dilakukan Mazlan. Gambaran yang diberikan seolah-olah Mazlan yang dipersalahkan.

Timbulnya plot baru iaitu 'Pengasih' amat memerlukan penelitian penonton untuk dikaitkan dengan cerita Mazlan. Pengenalannya yang agak lama boleh mendorong kepada penonton untuk kehilangan punca cerita utama itu. Dari sudut cerita ini pula muncul watak Malik yang pemurah, orang yang terbabit dengan 'Pengasih'. Adegan berpeluk seperti biasa dilakukan oleh masyarakat Barat bagi melahirkan rasa kasih yang terpaksa dilakukan oleh Yeop adalah kurang sesuai dan terlalu kerap dilakukan. Mungkinkah itu yang sebenarnya yang terjadi di 'Pengasih'?

Watak Riduan yang cuba menagih simpati penonton kurang menonjol dan kisah latar mengenai kekasihnya Liza adalah lemah. Tambahan pula dengan cara berakhirnya kisah cinta antara mereka ini tiada penyudahnya maka terpaksa dibuat kesimpulan sendiri yang mana hubungan mereka mungkin terputus di situ saja akibat tentangan hebat kedua-dua ibu dan bapa Liza dan rasa rendah diri Riduan sendiri atau mungkin berjaya hidup bersama kerana Liza adalah watak yang tegas yang sanggup berjuang demi cintanya serta berusaha untuk menyedarkan kedua-dua orang tuanya agar menerima Riduan mangsa HIV.

Cerita yang kaya dengan peristiwa latar ini juga penting untuk menerangkan keadaan yang berlaku seperti bagaimana mereka berada dan tinggal di masjid, keadaan isteri dan anak-anaknya, tetapi di mana dan bagaimana isterinya meninggal tidak pula diketahui setelah mereka berangkat pulang ke kampung dengan menaiki basikal saja.

Mesej yang ingin disampaikan adalah baik dan harus dipuji tetapi cara penyampaiannya kurang berkesan, contohnya Yeop berusaha mencari Mazlan mendapat gambaran melalui orang ramai mengenai Aids dan pengetahuan orang ramai mengenai pesakit dan penyakit ini tetapi kesan simpati dan kejahilan mengenai penyakit ini perlu diperkemas dan tidak seperti lakonan yang dibuat-buat dan cara Yeop yang cuba menjadi pemberita juga perlu diperkemas lagi kerana gayanya lebih kepada sebagai seorang pelancong.

Konsep peristiwa latar yang digunakan oleh Mazlan ketika menerima berita sebagai kemungkinan pembawa HIV positif adalah tidak sesuai sama sekali kerana penonton hilang simpati.

Dalam kejadian selanjutnya iaitu mengenai kebakaran yang dilakukan oleh penduduk kampung terhadap anggota keluarga Mazlan adalah kurang 'ketulenan' dan perlu kepada teknik yang lebih baik lagi.

Watak yang dimainkan oleh isteri Mazlan boleh dipuji begitu juga dengan pelakon utamanya walaupun sedikit cacat celanya iaitu kekakuan pelakon sampingan dalam penyampaian dialog dan lakonan.

Akhir sekali perlu diulangi ucapan tahniah dan sekalung terima kasih

kepada pembikinan filem ini kerana berusaha menyampaikan mesej dan pengajaran kepada masyarakat, tambahan lagi cerita ini dikuatkan lagi dengan kemunculan tokoh yang memperjuangkan nasib mangsa dan anggota keluarga mangsa Aids iaitu Datin Paduka Marina Mahathir bersama ucapannya.